KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

TARIKH	ISNIN, 5 APRIL 2021
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PELAN SOKONGAN JIKA ASTRAZENECA DITANGGUH
M/S	5
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	COVID-19

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Pelan sokongan jika AstraZeneca ditangguh

Kerajaan tempah 12.8 juta dos tambahan Pfizer-BioNTech

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Iskandar Puteri: Kumpulan pakar tempatan akan bermesyuarat esok bagi menganalisis lebih lanjut data klinikal vaksin AstraZeneca susulan laporan mengenai kesan sampingan di United Kingdom (UK), kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, menjelaskan kerajaan juga sudah bersedia dengan pelan sokongan sekiranya Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memutuskan vaksin AstraZeneca tidak sesuai digunakan di negara ini.

"Kumpulan pakar tempatan juga sedang mengikuti dekat perkembangan vaksin AstraZeneca. Kita ambil maklum terdapat beberapa kes dalam berita dan kes dikenal pasti daripada badan kawal selia perubatan UK berkenaan pembekuan darah. Kita masih lagi melihat data berkenaan dan apa sahaja keputusan mengenai penggunaan vaksin AstraZeneca akan dimaklum kemudian.

"Kalau terpaksa tangguh AstraZeneca atau dapati ia tidak sesuai (digunakan), beberapa perancangan lain termasuk pelan sokongan akan dilaksanakan," katanya pada sidang media bersama Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad selepas mengadakan mesyuarat tertutup bersama ketua agensi awam negeri ini, di sini semalam.

Kelmarin, badan kawal selia perubatan UK mengesahkan tujuh daripada 30 individu yang mengalami pembekuan darah selepas menerima suntikan vaksin COVID-19 AstraZeneca meninggal dunia. Kenyataan itu dikeluarkan selepas beberapa negara Eropah mengambil keputusan menghentikan sementara suntikan vaksin terbabit selepas mendapati ia berpotensi menyebabkan pembekuan darah.

Khairy yang juga Pengerusi Bersama JKVAV, berkata beberapa pelan sokongan sudah dilihat, termasuk tawaran dos tambahan daripada Pfizer-BioNTech sebanyak 12.8 juta dos kepada kira-kira 32 juta dos yang sudah ditempah dan ia akan menjadi pelan sokongan sekiranya didapati vaksin lain tidak boleh digunakan.

"Kita juga masih lagi sedang runding dengan Novavax dan beberapa vaksin lain yang belum masuk pasaran," katanya turut meminta masyarakat tidak bimbang berikutan Malaysia belum menerima penghantaran vaksin AstraZeneca, sebaliknya masih lagi menggunakan vaksin Pfizer-BioNTech dan Sinovac.

"Mengikut jadual vaksin AstraZeneca akan mula dihantar ke Malaysia pada Mei ini membabitkan 6.4 juta dos untuk kegunaan 3.2 juta rakyat. Malaysia juga akan menerima tambahan hampir 1.4 juta dos vaksin menerusi program pengedaran vaksin COVID-19 antarabangsa (COVAX) pembelian menerusi Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan juga sedang mempertimbang menambah vaksin yang berkesan terhadap varian baharu COVID-19 Afrika Selatan iaitu South African B.1.351, yang kini sudah dikesan di Malaysia.

Khairy bersama Hasni *ketika menghadiri mesyuarat tertutup bersama ketua agensi awam Johor, semalam.* (Foto BERNAMA)

Katanya, kerajaan kini sedang meneliti perkembangan varian baharu berkenaan dan data klinikal yang dikeluarkan, dengan mengambil kira keberkesanan vaksin itu.

"Ada beberapa vaksin yang dilaporkan berkesan terhadap varian Afrika Selatan sebagai contoh Pfizer, Novavax dan Johnson and Johnson," katanya turut memaklumkan, Malaysia juga akan membuat lebih banyak genomik analisa genom virus yang dikesan di negara ini supaya varian baharu yang ditemui dapat direkodkan secara sistematik di Malaysia.

"Kerisauan utama saya adalah mutasi virus ini. Sekiranya berubah dan menjadi varian baharu, ia akan lebih susah untuk vaksin berkesan. Perkara ini kita akan terus pantau dan kena buat lebih banyak lagi analisis kepada genom virus yang dikesan di Malaysia supaya kita tahu kes di negara ini berasal negara mana.

"Kebimbangan kita adalah mutasi. Jika virus COVID-19 terus bermutasi mungkin pandemik ini menjadi endamik. Ia (COVID-19) ini tidak akan tamat, kita perlu ambik suntikan vaksin setiap tahun," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy berkata, jumlah pendaftaran penerima vaksin COVID-19 menerusi aplikasi MySejahtera mencapai 7.8 juta setakat ini dan menjangkau 35 peratus daripada sasaran.

DISEDIAKAN OLEH	**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44)** **2—MUHAMMAD HAFIDZUDIN MAHADZIR (S19)** UNIT PERPUSTAKAAN, BPM